

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1998/99**

**Ogos / September 1998**

**PPG 101 - Pengantar Ilmu Pendidikan**

**Masa: [ 2 Jam ]**

**TULIS NOMBOR TEMPAT DUDUK ANDA DI PETAK INI** →

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan dalam **BAHAGIAN A** dengan menggunakan **BORANG JAWAPAN OMR**. Jawab **BAHAGIAN A** terlebih dahulu kerana kertas soalan serta borang jawapan OMR akan dikutip oleh pengawas-pengawas peperiksaan 60 minit selepas bermulanya peperiksaan.

**BAHAGIAN A**  
(60 minit) [ 50 markah ]

**PERINGATAN DAN AMARAN**

1. Pastikan anda tulis **ANGKA GILIRAN** anda di Borang Jawapan OMR dengan betul iaitu dari atas ke bawah. Pastikan anda **MENGHITAMKAN** nombor **ANGKA GILIRAN** anda di ruang yang betul juga.
2. Pastikan juga **NOMBOR TEMPAT DUDUK** anda sudah tertulis pada Borang Jawapan OMR.
3. **KEGAGALAN** anda membuat kedua-duanya dengan betul akan menyebabkan komputer memberi **MARKAH KOSONG** untuk jawapan anda di **BAHAGIAN A**. Kegagalan anda seperti ini adalah **TANGGUNGJAWAB** anda sendiri.

...2/-

1. Pendidikan yang berlaku di rumah dari keluarga dan persekitaran ialah pendidikan :
  - A. formal
  - B. separa formal
  - C. bukan formal
  - D. tidak formal
  
2. Yang manakah di antara kenyataan yang berikut yang **KURANG TEPAT** tentang labih tubi :
  - A. teknik latih tubi ialah sebahagian daripada usaha menghafal, atau mengingat sesuatu
  - B. teknik latih tubi digunakan untuk mengulang bahan dan mengucapkan isi kandungan apabila menghafal sesuatu
  - C. teknik latih tubi sangat berguna untuk pengajaran isi kandungan yang memerlukan ikutan dan ulangan
  - D. teknik latih tubi sesuai digunakan untuk pengajaran sains dan kemasyarakatan
  
3. Yang manakah di antara berikut yang paling luas :
  - A. pengukuran
  - B. penilaian
  - C. pengujian
  - D. pangkatan
  
4. Cikgu Wah See Buk ingin mempelbagaikan rangsangan muridnya ketika mengajar. Di antara berikut yang manakah **BUKAN** menjadi unsur kepelbagaian tersebut :
  - A. pergerakan guru
  - B. menarik perhatian murid
  - C. interaksi guru-murid
  - D. penilaian

5. Yang manakah di antara berikut yang mewakili sekumpulan atau sejenis bentuk hafalan :
- A. formula
  - B. sifir
  - C. abjad
  - D. rot
6. Di peringkat kognitif apakah objektif tingkah laku berikut? Dengan berpandukan nasihat guru, wakil-wakil murid akan dapat membentuk satu model pentadbiran urusan bilik darjah yang boleh digunakan sepanjang tahun :
- A. penggunaan
  - B. sintesis
  - C. analisis
  - D. penilaian
7. Apabila Cikgu Kasim menentukan bahawa muridnya Amin patut diberi gred terbaik dan dinaikkan ke jurusan Sains berdasarkan semua pencapaiannya sepanjang tahun, maka Cikgu Kasim dikatakan membuat :
- A. pengukuran
  - B. pengujian
  - C. penilaian
  - D. pemarkahan
8. Yang manakah di antara peringkat bidang kognitif berikut yang paling tinggi :
- A. analisis
  - B. penilaian
  - C. sintesis
  - D. penggunaan

9. Pilih yang PALING TEPAT. Guru sebagai fasilitator bermakna guru :
- A. mengawal kumpulan murid
  - B. ikut sebagai pembincang di dalam kumpulan murid
  - C. memudahkan perbincangan murid
  - D. mengurus kumpulan murid
10. Yang manakah di antara perkara-perkara berikut yang belum diolah?
- A. markat
  - B. markah
  - C. gred
  - D. lengkungan taburan normal
11. Pilih jawapan PALING TEPAT. Pengajaran bantuan komputer menggunakan program pengajaran terancang jenis :
- A. linear
  - B. bercabang
  - C. banyak langkah
  - D. ada pengajaran dan jawapan
12. Apabila guru berkongsi pendapat dan sama-sama membuat keputusan dengan murid di dalam menyelesaikan masalah kumpulan, guru telah bertindak sebagai :
- A. fasilitator
  - B. pengurus
  - C. peserta
  - D. pengajar dan kawan

13. Pilih yang **KURANG TEPAT**. Apabila Cikgu Ahmad mengajar anak muridnya yang tinggal di pedalaman hutan Sarawak tentang jenis-jenis pokok kayu di persekitaran mereka dan kemudian melukis kawasan-kawasan hutan khatulistiwa di seluruh dunia, Cikgu Ahmad mengajar :
- A. dari yang senang kepada yang susah
  - B. dari yang dekat kepada yang jauh
  - C. dari fakta kepada teori
  - D. dari yang konkrit kepada yang abstrak
14. Pilih yang **PALING TEPAT**. Kaedah atau teknik mengajar berkuliah :
- A. tidak harus digunakan sama sekali di bilik darjah
  - B. hanya digunakan untuk memulakan pelajaran
  - C. baik digunakan di universiti sahaja
  - D. boleh digunakan sedikit di bilik darjah dengan berpandukan nota-nota ringkas
15. Pilih yang **PALING TEPAT**. Langkah-langkah di dalam ringkasan mengajar ialah :
- A. langkah perkembangan pengajaran
  - B. pengajaran di bidang kognitif yang semakin meningkat
  - C. perancangan masa yang sebaik-baiknya memakan masa 15-20 minit setiap langkah
  - D. jejak-jejak pengajaran yang perlu dirancang satu demi satu
16. Pilih yang **PALING TEPAT**. Perbezaan di antara objektif am dengan objektif khas ialah :
- A. objektif khas adalah lebih luas jika dibandingkan dengan objektif am
  - B. objektif khas menerangkan dengan lebih terperinci tentang objektif am
  - C. objektif khas adalah untuk pelajaran yang telah dan akan diajar
  - D. objektif khas hanya ditujukan khas kepada murid

...6/-

17. Model am pembentukan dan perancangan pengajaran yang diutarakan oleh DeCocco bermula dengan :
- A. tajuk dan berakhir dengan pembetulan
  - B. induksi set dan berakhir dengan penutup
  - C. objektif pengajaran dan berakhir dengan penilaian pencapaian
  - D. ujian peringkat masuk dan berakhir dengan ujian post.
18. Biasanya soalan yang menguji kebolehan di peringkat tinggi adalah soalan jenis :
- A. divergen
  - B. induktif
  - C. deduktif
  - D. konvergen
19. Pilih yang **PALING TEPAT**. Kategori soalan jenis retorika memerlukan :
- A. guru menjawabnya
  - B. murid menjawabnya
  - C. murid merujuk buku rujukan
  - D. guru menyediakan latihan
20. Kamu telah ditugaskan mengajar arus elektrik pada mentol kecil. Cara yang **PALING BERKESAN** untuk menunjukkan pusingan arus elektrik ialah dengan :
- A. menunjukkan gambar-gambar berkaitan
  - B. membuat pendawaian dari bateri ke mentol
  - C. membawa lampu basikal atau lampu suluh yang ada mentol
  - D. Menyuruh murid menyalin gambar dari carta lengkap
21. Satu-satunya ciri guru terpenting yang dapat membendung keciciran di kalangan murid di dalam kajian keciciran ialah :
- A. baik hati
  - B. seronok mengajar
  - C. prihatin
  - D. kemesraan sebagai kawan

22. Pilih yang **PALING TEPAT**. Penilaian pada akhir pelajaran ialah untuk memastikan :
- A. pembelajaran murid sebagaimana yang telah dirancangan
  - B. pengajaran guru mengikut sukatan pelajaran
  - C. murid memberi perhatian sepenuhnya ketika pengajaran
  - D. adanya markah ujian untuk kad laporan
23. Jika kamu sedang mengajar kira bahagi satu nombor besar dibahagi dengan satu nombor kecil yang lain, maka ujian kriteria kamu akan menguji :
- A. kira campur, tolak dan darap
  - B. kira darap yang menjadi asas kira bahagi
  - C. semua kira bahagi satu nombor besar dibahagi dengan satu nombor kecil bagi keseluruhan topik
  - D. kira bahagi peringkat subtopik yang telah diajar
24. Media pengajaran ialah :
- A. alat bantu mengajar yang digunakan oleh guru
  - B. teknologi pengajaran di dalam bilik darjah
  - C. kesemua alat dan bahan pengantara di antara guru dan murid
  - D. kesemua perkara dari yang konkrit kepada yang abstrak
25. Perbincangan murid yang paling banyak sekali melibatkan murid mengeluarkan pendapat mereka secara bebas ialah apabila guru bertindak sebagai :
- A. penyoal dan penerima jawapan
  - B. pengajar dan pengurus
  - C. fasilitator dan pengurus
  - D. penilai dan pengurus

26. Kaedah bermain membawa kebaikan yang berikut, **KECUALI** :
- A. berpeluang menimbangankan perkara-perkara yang betul dan yang salah
  - B. berkesempatan merasa tersembunyi di dalam dunia bermain sendiri, khususnya apabila bermain "rumah" atau "kedai"
  - C. memainkan peranan yang digemari, dibenci atau ditakuti untuk menerima hakikat sebenar atau mengeluarkan perasaan terpendam
  - D. memberikan pengalaman menang dan berjaya selalu
27. Ciri-ciri kaedah pengajaran dengan cara berkuliah adalah seperti berikut, **KECUALI**
- A. merupakan pengajaran fakta atau prinsip oleh guru dengan cara lisan
  - B. murid-murid selalunya pasif kerana berkuliah ialah proses satu hala
  - C. guru boleh membaca nota dan teks yang dikuliahkan
  - D. boleh digunakan untuk jangka masa pendek seperti lima belas atau dua puluh minit
28. Topik-topik yang dipilih oleh guru untuk perbincangan sebaik-baiknya harus mempunyai ciri-ciri yang berikut, **KECUALI** :
- A. diminati dan dianggap penting oleh murid
  - B. kontroversial sedikit supaya tidak mudah dijawab sebagai betul, salah, atau ya, tidak
  - C. berskop paling luas dan paling mendalam
  - D. mencakupi kebolehan dan pengalaman latar belakang murid
29. Mengikut pakar cerita, sebaik-baiknya ketika bercerita di hadapan murid, guru harus membuat perkara yang berikut, **KECUALI** :
- A. melakonkan perkara-perkara penting di dalam cerita tersebut
  - B. memastikan bahawa tangan dan badan tidak digunakan keterlaluan
  - C. memastikan bahawa murid mengetahui kejadian-kejadian yang berlaku di dalam cerita
  - D. gunakan patung watak-watak tertentu jika sesuai

...9/-



30. Pilih kenyataan yang **PALING TEPAT**. Apabila Cikgu Lim Chan Teik sedang mengajar, yang manakah di antara berikut merupakan gangguan kepada muridnya :
- A. rupa parasnya yang sederhana menawan
  - B. tulisannya di papan yang paling jelas kelihatan
  - C. suasana bilik darjah yang tegang dan terpegun diam
  - D. kepakarannya yang tiada tandingan
31. Kamu telah ditugaskan mengajar tentang katak-katak hijau dan cara pergerakannya. Pilihan alat bantu mengajar kamu yang terbaik dari semua segi ialah :
- A. mencari dan melihat katak hijau bersama murid di dalam hutan
  - B. membawa model katak hijau plastik dan tunjukkannya kepada murid
  - C. menayangkan video tentang katak hijau di hutan kepada murid
  - D. membeli katak hijau dari kedai haiwan dan menunjukkannya kepada murid
32. Yang manakah di antara yang berikut di dalam kawasan kecerdasan akal yang mewakili pengajaran :
- I. latihan
  - II. propaganda
  - III. indoktrinasi
  - IV. instruksi
  - IV. pelaziman
- A. I, II, III dan IV sahaja
  - B. I, III, IV dan V sahaja
  - C. I, II, III dan V sahaja
  - D. I, II, IV dan V sahaja
33. Pilih kenyataan yang **PALING TEPAT**. Apabila guru memberitahu atau menerangkan sesuatu, murid-murid :
- A. menerima gangguan dan media yang sama
  - B. menerima penerangan dengan interpretasi yang sama
  - C. menerima mesej yang sama
  - D. memahami dengan pengertian yang sama

...10/-

34. Yang manakah di antara berikut yang membawa makna **PALING LUAS** dan merangkumi yang lain :
- A. alat bantu mengajar
  - B. media
  - C. bahan pandang dengar
  - D. teknologi pengajaran
35. Pilih kenyataan yang **PALING TEPAT**. Apabila Cikgu Ah Tan memanggil muridnya Lee Bee Seng yang nakal di belakang bilik darjah untuk meneruskan jawapan murid Lim Bah Aik, Cikgu Ah Tan dikatakan :
- A. menolong dan mencungkil
  - B. mengarah dan menyebar
  - C. menghentikan dan memulakan yang baru
  - D. menarik dan memberi peluang
36. Selain mendapatkan perhatian murid, tujuan induksi set adalah seperti yang berikut, **KECUALI** :
- A. mengaturkan penyusunan idea, prinsip dan maklumat yang akan diberi dalam pengajaran
  - B. menjadi ujian untuk menilai tahap kebolehan murid untuk topik yang akan diajarkan
  - C. memberi contoh dan persamaan untuk idea-idea abstrak yang akan diajarkan
  - D. menimbulkan minat dan penglibatan murid di dalam pengajaran yang akan disampaikan.
37. Nyatakan peringkat kognitif bagi soalan dan jawapan guru yang berikut mengikut pengelasan penysoalan. "Fahamkah anda semua bahawa dadah membawa maut? Ya, kita telah melihat ramai orang digantung mati akibatnya". Soalan dan jawapan guru adalah di peringkat :
- A. retorika
  - B. mengingat kembali
  - C. kefahaman
  - D. aplikasi

...11/-

38. Penggunaan papan tulis di dalam bilik dajah sebaik-baiknya harus seperti berikut **KECUALI** :
- A. dikurangkan di mana sesuai kerana terdapat banyak teknologi baru
  - B. dirancangan dahulu dan dilukis atau ditulis bersama pengajaran murid
  - C. dirancangan terdahulu dan disediakan lukisan atau tulisan sebelum murid masuk ke bilik darjah
  - D. dirancangan terdahulu dan diselang-selikan dengan alat bantu mengajar
39. Skala atau standard pengukuran yang sering digunakan di dalam bidang pendidikan atau psikologi ialah :
- A. pencapaian murid lain
  - B. pembelajaran murid lain
  - C. pelajaran murid lain
  - D. hasilan murid lain
40. Dari segi penggunaannya di bilik darjah, ganjaran dan rasuah adalah :
- A. lebih kurang sama kesannya terhadap murid
  - B. berbeza dari segi masa pemberian sesuatu yang dikehendaki oleh murid
  - C. berbeza dari segi jenis pemberian sesuatu yang dikehendaki oleh murid
  - D. lebih kurang sama dari segi keperluan guru dan murid
41. Cara yang **PALING BAIK** untuk mengurangkan masalah disiplin ketika pembelajaran murid ialah dengan :
- A. bertindak tegas terhadap murid yang bermasalah disiplin
  - B. bertolak ansur dan mengasingkan murid yang bermasalah disiplin
  - C. memastikan bahawa murid sentiasa meminati dan melibatkan diri mereka secara aktif di dalam aktiviti pembelajaran
  - D. memastikan bahawa aktiviti guru dan murid dirancang dengan sempurna

...12/-

42. Cikgu Sofiah menanya anak muridnya tentang pendapat mereka mengenai seks di kalangan remaja. Soalan Cikgu Sofiah adalah berbentuk :
- I. memusatkan arah
  - II. bebas
  - III. konvergen
  - IV. divergen
- A. I, III sahaja
  - B. I, IV sahaja
  - C. II, III sahaja
  - D. II, IV sahaja
43. Yang dikatakan selari pada ujian pra, kriteria dan post di dalam perancangan pengajaran guru ialah soalan-soalan yang disediakan pada ujian-ujian tersebut adalah sama :
- I. tahapnya
  - II. butirannya
  - III. objektifnya
  - IV. konsepnya
- A. I, II, III sahaja
  - B. II, III, IV sahaja
  - C. I, III, IV sahaja
  - D. I, II, IV sahaja
44. Seseorang guru di dalam bilik darjah dikatakan sedang membuat sesuatu pengukuran apabila ia melakukan perkara-perkara berikut **KECUALI** :
- A. menetapkan pangkatan murid
  - B. membezakan murid
  - C. menyediakan skala atau standard
  - D. menyediakan butiran bagi soalan

45. Pilih yang **KURANG TEPAT**. Penilaian formatif ialah penilaian yang dibuat :
- A. ketika merancang dan menyediakan bahan pengajaran
  - B. di sepanjang pembelajaran murid
  - C. di sepanjang pengajaran guru
  - D. ketika menyediakan markah murid
46. Yang manakah di antara frasa berikut yang dikatakan sebagai standard atau kriteria untuk menilai objektif tingkah laku :
- A. jika diberikan peta kosong Asia Tenggara
  - B. murid-murid dapat ...
  - C. mengisikan sempadan dan menamakan negara-negara berkenaan
  - D. hanya dua kesalahan sahaja dibenarkan
47. Yang manakah di antara kenyataan yang berikut yang **PALING TEPAT**. Apabila guru memberitahu atau menerangkan sesuatu kepada murid-muridnya, mereka :
- A. mungkin akan mempelajarinya
  - B. mungkin akan memahaminya
  - C. mungkin mengingatnya
  - D. mungkin memperolehi mesej tersendiri
48. Seorang guru hanya dapat dikatakan mengajar muridnya apabila ia :
- I. bertujuan dan bertindak ke arah pembelajaran murid
  - II. bertujuan mengubah tingkah laku murid
  - III. bertujuan memberi propaganda kepada murid
  - IV. bertujuan memberikan pelaziman kepada murid
- A. I, II dan III sahaja
  - B. I, II dan IV sahaja
  - C. I, III dan IV sahaja
  - D. II, III dan IV sahaja

...14/-

49. Matlamat utama pendidikan ialah untuk mendapatkan kebebasan yang berikut :
- A. kebebasan fikiran
  - B. kebebasan kerohanian
  - C. kebebasan pengembangan diri dan autonomi
  - D. kebebasan kehendak
50. Kurikulum boleh juga merangkumi perkara-perkara yang berikut, **KECUALI** :
- A. isi kandungan asas
  - B. pengalaman tidak formal
  - C. rancangan pembelajaran
  - D. rancangan pengajian
51. Yang manakah di antara kenyataan yang berikut yang **KURANG TEPAT** :
- A. pengajaran ialah usaha dan tindakan guru
  - B. pembelajaran murid setiap kali dapat dikesan kepada pengajaran guru
  - C. aktiviti pengajaran harus bertujuan menimbulkan pembelajaran
  - D. pembelajaran hanya boleh dilakukan oleh murid sahaja
52. Pilih yang **PALING TEPAT**. Yang manakah di antara berikut yang dikatakan kurikulum tersembunyi di bilik darjah dan di sekolah :
- I. patuh kepada arahan guru
  - II. didera oleh guru
  - III. ikut giliran sebagaimana ditetapkan oleh guru
  - IV. dinilai oleh guru
  - V. menyesuaikan diri di dalam keadaan banyak gangguan
- A. I, II, III, IV sahaja
  - B. II, III, IV, V sahaja
  - C. I, III, IV, V sahaja
  - D. I, II, III, V sahaja

53. Kriteria yang dinyatakan di dalam objektif tingkah laku ialah :
- A. pilihan kaedah yang diperlukan oleh objektif
  - B. ujian dan peperiksaan pada akhir pelajaran
  - C. markah dan pencapaian murid pada akhir pelajaran
  - D. satu standard untuk mengukur atau menilai
54. Setelah Cikgu Hasnah membacakan ceritanya, murid-murid Cikgu Hasnah begitu seronok sekali melihat gambar-gambar Pak Pandir dan Mak Andih. Besar kemungkinan murid-murid Cikgu Hasnah sedang menikmati ganjaran :
- A. nyata
  - B. aktiviti
  - C. ekstrinsik
  - D. sosial
55. Pilih yang **PALING TEPAT**. Apabila seseorang guru mengukur kebolehan muridnya di dalam bidang matematik, yang sebenarnya guru tersebut membuat :
- A. satu skala yang akan digunakan
  - B. perbandingan untuk membeza-bezakan muridnya
  - C. penaksiran angka, markah atau peratusan
  - D. jarak skala di antara muridnya
56. Cikgu Ali ingin membuat perbandingan di antara muridnya di dalam mata pelajaran Matematik. Dengan **LEBIH TEPAT**, Cikgu Ali akan membuat :
- A. penilaian
  - B. pengukuran
  - C. pengujian
  - D. pengkelasan

57. Cikgu Sofiah ingin mengajar muridnya kira bahagi. Apabila ia menguji muridnya kira bahagi maka Cikgu Sofiah mungkin menguji muridnya di tahap ujian :
- I. pra
  - II. peringkat masuk
  - III. kriteria
  - IV. post
- A. I, II, III sahaja
  - B. II, III, IV sahaja
  - C. I, III, IV sahaja
  - D. I, II, IV sahaja
58. Apabila guru memusatkan jawapan murid bagi sesuatu soalan ke satu jawapan yang betul, maka soalan-soalan guru adalah jenis :
- A. divergen
  - B. konvergen
  - C. induktif
  - D. deduktif
59. Apabila Cikgu Ali menyoal, menguji dan memastikan muridnya boleh mengikuti pengajarannya ketika ia mengajar, Cikgu Ali membuat penilaian :
- A. sumatif
  - B. formatif
  - C. selari
  - D. kriteria
60. Cikgu Hasan ingin mengajar muridnya kira darap. Ujian peringkat masuk pengajaran Cikgu Hasan akan menguji kira :
- A. darap dan campur
  - B. campur dan tolak
  - C. darap dan tolak
  - D. darap, tolak dan bahagi



**BAHAGIAN B**

**(60 minit ) (50 markah )**

**ARAHAN :** Pilih dan jawab **DUA SOALAN** sahaja. Catitkan nombor soalan yang anda jawab dan nombor **ANGKA GILIRAN** di buku jawapan dengan betul.

1. Bincangkan dengan ringkas dan berikan contoh-contoh yang sesuai bagi semua berikut :

- a) Pendidikan  
DAN
- b) Pembelajaran

[ 25 markah ]

2. Huraikan dengan ringkas bersertakan rajah-rajah yang sesuai semua perkara berikut :

- a) Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah  
DAN
- b) Komunikasi di bilik darjah

[ 25 markah ]

3. Huraikan dengan ringkas bersertakan rajah-rajah yang sesuai perkara-perkara berikut:

- a) Satu model pengajaran  
DAN
- b) Kategori-kategori serta peringkat-peringkat soalan

[ 25 markah ]

4. Mengikut Bloom terdapat enam peringkat bidang kognitif :

- a) Nyatakan dan terangkan setiap satu peringkat ini  
DAN
- b) Berikan satu contoh pembelajaran atau objektif di dalam apa jua mata pelajaran bagi setiap satu peringkat tersebut.

[ 25 minit ]

- ooo0ooo -

